

20 FEB 1996

Mahathir-Sabah

ISU PENGGILIRAN KM SABAH: PARTI KOMPONEN BN SABAH SERAH PADA PM

KUALA LUMPUR, 20 Feb (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata hari ini semua lapan parti komponen Barisan Nasional (BN) Sabah telah bersetuju menyerahkan kepadanya untuk mengambil keputusan mengenai sistem penggiliran Ketua Menteri Sabah.

Perdana Menteri berkata beliau telah berjumpa dengan ketua-ketua parti komponen BN negeri itu yang telah memberi mandat kepada beliau untuk memutuskan sama ada sistem itu akan dilaksanakan atau sebaliknya.

"Saya akan membuat keputusan pada waktu yang tepat (I will make a decision in time)," kata beliau kepada pemberita di majlis rumah terbuka Hari Raya Aidil Fitrianya di Seri Perdana di sini.

Keputusan untuk menggilirkan jawatan Ketua Menteri Sabah setiap dua tahun di kalangan tiga kaum terbesar di negeri itu iaitu Bumiputra Islam, Cina dan Kadazandusun dibuat oleh Dr Mahathir pada pilihanraya Sabah 1994.

Tempoh Ketua Menteri Sabah Datuk Salleh Said Keruak akan berakhir pada 17 Mac ini dan beliau dijangka akan digantikan oleh Timbalan Ketua Menteri dan Presiden Parti Progresif Sabah (SAPP) Datuk Yong Teck Lee.

Isu penggiliran jawatan itu menjadi kontroversi apabila semua lapan parti komponen BN Sabah gagal mencapai konsensus mengenainya dalam mesyuarat BN negeri pada 8 Jan lepas.

Parti-parti itu ialah Umno, Parti Progresif Sabah (SAPP), Parti Demokratik Sabah (PDS), Parti Bersatu Rakyat Sabah (PBRS), Akar Bersatu, Parti Liberal Demokratik (LDP), MCA dan Gerakan.

Dr Mahathir pernah berkata, selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno awal bulan ini, bahawa beliau akan mengadakan pertemuan berasingan dengan parti-parti komponen BN Sabah bagi membincangkan isu itu.

Mesyuarat MT itu juga telah memberikan mandat kepada Perdana Menteri untuk memutuskan mengenai perkara itu.

Perdana Menteri berkata semua lapan parti komponen BN Sabah juga telah bersetuju untuk menerima apa juga keputusan yang akan diambilnya mengenai sistem penggiliran itu.

Ketika ditanya sama ada beliau akan ke Sabah untuk mengumumkan keputusannya, Dr Mahathir berkata beliau belum lagi menentukannya tetapi "mungkin akan pergi satu hari".

Dr Mahathir, yang juga Pengerusi BN, berkata beliau memerlukan masa untuk memutuskan perkara itu.

"Tak perlu terburu-buru (no hurry)...benda ini kita boleh selesaikan (resolve) secara tenang melainkan jika pihak media mengeruhkan lagi suasana (unless of course the press stir up a lot of trouble)," kata beliau. --

BERNAMA

ES SP